

Oleh Presiden
Thomas S. Monson



“Dia Sudah Bangkit”

KESAKSIAN SEORANG NABI

“**P**emohonan agama Kristian,” telah diisytiharkan oleh Presiden Thomas S. Monson, adalah bahawa Yesus dari Nasaret bangkit dari kematian. “Kenyataan Kebangkitan menyediakan kepada semua orang kesejahteraan yang tidak mungkin difahami” (lihat Filipi 4:7).¹

Dalam perenggan berikut, Presiden Monson berkongsi kesaksiannya dan kesyukurannya terhadap Kebangkitan Juruselamat dan mengisytiharkan bahawa sebab Putera mengatasi kematian, jadi semua anak Bapa yang datang ke bumi akan hidup sekali lagi.

Kehidupan Selepas Kefanaan

“Saya percaya tidak ada sesiapa pun di kalangan kita boleh memikirkan maksud penuh perkara yang telah Kristus lakukan untuk kita dalam Taman Getsemani, tetapi saya bersyukur setiap hari dalam kehidupan saya terhadap korban tebusan-Nya bagi pihak kita.

“Pada saat terakhir, Dia masih boleh pusing balik. Tetapi Dia tidak. Dia lakukan segala hal supaya Dia dapat menyelamatkan segala hal. Dengan membuat demikian, Dia berikan kita kehidupan selepas kewujudan fana ini. Dia menebuskan kita dari Kejatuhan Adam.

“Jauh dalam jiwa saya, saya bersyukur kepada Dia. Dia mengajar kita cara hidup. Dia mengajar kita cara mati. Dia menjamin penyelamatan kita.”²

Menghapuskan Kegelapan Kematian

“Dalam kebanyakan situasi, seperti penderitaan dan kesakitan yang hebat, kematian datang sebagai satu malaikat belas kasihan. Tetapi biasanya, kita memandangnya sebagai musuh kegembiraan manusia.

“Kegelapan kematian boleh dihapuskan oleh cahaya kebenaran yang sudah diwahyukan. ‘Akulah yang membangkitkan orang mati dan yang memberikan hidup,’ firman Guru. ‘Sesiapa yang percaya kepada-Ku akan hidup, meskipun dia sudah mati. Orang yang hidup dan percaya kepada-Ku, tidak akan mati selama-lamanya.’

“Kejaminan ini—ya, bahkan penetapan kudus—tentang kehidupan selepas kubur boleh menyediakan kedamaian yang dijanjikan oleh Juruselamat bila Dia menjamin kepada pengikut-pengikut-Nya: ‘Kesejahteraan Aku tinggalkan dengan kamu; kesejahteraan-Ku sendiri yang Aku berikan kepada kamu bukan seperti yang diberikan oleh dunia. Janganlah kamu risau dan janganlah takut.’”³

Dia Tidak Ada Di Sini

“Juruselamat kita hidup lagi. Hal ini adalah hal yang termulia, yang paling menyenangkan hati, dan yang paling menyakinkan sudah berlaku—kemenangan ke atas kematian. Kesakitan dan kesengsaraan di Getsemani dan Kalvari sudah dihapuskan. Penyelamatan manusia sudah dikukuhkan. Kejatuhan Adam sudah dituntut balik.

“Kubur yang kosong pada pagi Hari Paska pertama adalah jawapan kepada soalan Ayub, ‘Jika manusia mati, dapatkah mereka hidup lagi?’ Kepada semua yang dapat mendengar suara saya, saya mengiystiharkan, jika manusia mati, mereka dapat hidup lagi. Kita tahu, kerana kita mempunyai cahaya kebenaran yang sudah diwahyukan. . . .

“Saudara dan saudari yang ku kasahi, pada waktu kesedihan kita yang terbesar, kita boleh menerima kedamaian yang mendalam dari kata-kata malaikat pada pagi Hari Paska pertama: ‘Dia tidak ada di sini: Dia sudah bangkit.’”⁴

Semua Akan Hidup Lagi

“Kita ketawa, kita menanggapi, kita bekerja, kita bermain, kita menyayangi, kita hidup. Dan kemudian kita mati. . . .

“Dan kita akan tetap menjadi mati jika tanpa seorang dan Misi-Nya, Yesus dari Nasaret. . . .

“Dengan segala hati ku dan semangat ku yang berkobar-kobar, saya meningkatkan suara saya dalam kesaksian sebagai seorang saksi yang istimewa dan mengiystiharkan bahawa Tuhan hidup. Yesus adalah Putera-Nya, Anak Sulung Bapa yang bertubuh badan. Dia adalah Penebus kita, Dia adalah Perantara kita dengan Bapa. Dia yang mati di atas salib untuk menebuskan dosa-dosa kita. Dia menjadi hasil buah pertama Kebangkitan. Kerana Dia sudah mati, semua dapat hidup lagi.”⁵

Satu Kesaksian Peribadi

“Saya mengiystiharkan kesaksian peribadi saya bahawa kematian sudah dikalahkan, kemenangan ke atas kubur sudah dimenangkan. Semoga firman yang dijadi-sucikan oleh Dia yang sudah memenuhkan firman itu menjadi pengetahuan yang benar kepada semua orang. Ingatlah firman-firman itu. Hargailah mereka. Hormatilah mereka. Dia sudah bangkit.”⁶

NOTA

1. “He Is Risen,” *Liahona*, Apr. 2003, 7.
2. “At Parting,” *Liahona*, Mei 2011, 114.
3. “Now Is the Time,” *Liahona*, Jan. 2002, 68; juga lihat Yohanes 11:25–26; 14:27.
4. “He Is Risen,” *Liahona*, Mei 2010, 89, 90; juga lihat Ayub 14:14; Matius 28:6.
5. “I Know That My Redeemer Lives!” *Liahona*, Mei 2007, 24, 25.
6. *Liahona*, Apr. 2003, 7.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Selepas berkongsikan petikan dari Presiden Monson, perhatikan kesaksian yang dia berikan tentang maksud benar Hari Paska. Anda boleh tanya ahli-ahli keluarga soalan-soalan berikut: “Apakah ertinya kepada anda bahawa seorang nabi hidup sudah bersaksi tentang kebenaran ini pada hari ini? Bagaimana anda boleh mengaplikasikan kebenaran ini dalam kehidupan anda?” Bertimbang untuk menambahkan kesaksian anda.

REMAJA

Saya Akan Jumpa Dia Lagi

Oleh Morgan Webecke

Bapa membuatkan kami setiap anak-anaknya berasa istimewa. Dia menyayangi kami dan mengam-punkan kami dengan mudahnya. Dia berlaku dengan sedaya upayanya untuk memastikan kami gembira, dan dia menjelaskan bahawa dia inginkan yang paling baik bagi kami. Saya sangat menyayangi dia.

Bila saya dalam darjah enam, bapa saya meninggal dunia dalam satu kemalangan kereta. Keluarga saya dan saya sangat sedih. Wujudnya satu lubang yang besar dalam keluarga kami. Bapalah orang yang saya bergantung pada, orang yang saya hampiri jika saya menemui masalah. Sebalik dari mencarikan kebantuan, saya biarkan kemarahan dan kesakitan tetap bersama saya. Saya akhirnya memutus bahawa ia adalah kesalahan Tuhan. Saya berhenti membaca kitab-kitab suci dan berhenti berdoa. Saya pergi ke gereja hanya kerana Ibu inginkan saya pergi. Saya cuba menjauhkan diri dari Bapa Syurgawi saya.

Kemudian saya menghadiri khemah Remaja Puteri buat kali pertama. Saya suka menemui rakan-rakan baru, tetapi saya masih tidak membaca kitab-kitab suci. Pada petang hari terakhir, kami adakan satu pertemuan kesaksian. Saya berasa sesuatu yang saya tidak terasa buat waktu yang lama: Roh Kudus. Saya menyanjungi para remaja puteri yang memberikan kesaksian mereka, tetapi saya tetap berduduk kerana saya fikir saya tidak mempunyai satu kesaksian. Tiba-tiba saya berasa saya mesti berdiri. Saya buka mulut, memikir apa yang harus saya ucapkan. Jadi saya pun berkata bahawa saya berasa sukacita terhadap

khemah Remaja Puteri. Kemudian saya terus berkata bahawa saya tahu Yesus Kristus mati untuk saya dan Bapa Syurgawi saya menyayangi saya dan Gereja ini adalah benar.

Saya dipenuhi dengan kedamaian yang luar biasa. Kerana pengalaman ini saya boleh berkata bahawa saya tahu saya akan jumpa bapa saya lagi kerana Penebusan dan Kebangkitan Juruselamat.



Mengasih, Menjaga, dan Memperkuatkan

Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan para saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudari yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri.

Iman, Keluarga, Pertolongan

Seperti Juruselamat, para pengajar berkunjung melayani satu demi satu (lihat 3 Nefi 11:15). Kita tahu kita sudah berjaya dalam pelayanan kita sebagai pengajar berkunjung bila saudari-saudari kita berkata: (1) pengajar berkunjung saya menolong saya berkembang secara rohani; (2) saya tahu bahawa pengajar berkunjung saya memang mengambil berat tentang saya dan keluarga saya; dan (3) jika saya menghadapi masalah, saya tahu pengajar berkunjung saya akan mengambil tindakan tanpa menunggukan permintaan.¹

Bagaimana kita sebagai para pengajar berkunjung boleh mengasih, menjaga, dan memperkuat seorang saudari? Berikut adalah sembilan cadangan yang terdapat dalam bab 7 *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* untuk membantu para pengajar berkunjung melayan saudari-saudari mereka:

- Berdoa setiap hari untuk dia dan keluarganya.
- Mencarikan ilham untuk mengetahui dia dan keluarganya.
- Selalu mengunjungi dia untuk mengenal keadaannya dan untuk menyenangkan dia dan memperkuat dia.
- Selalu menghubungi dia melalui

kunjungan, panggilan telefon, e-mail, pesanan teks, dan tindakan kebaikan yang kecil.

- Menyambut dia pada pertemuan-pertemuan Gereja.
- Membantu dia bila dia menemui kecemasan, kesakitan, atau keperluan cemas lain.
- Mengajarkan dia injil dari kitab-kitab suci dan Pesanan-Pesanan Pengajaran Berkunjung.
- Mengilhamkan dia dengan menjadi satu teladan yang baik.
- Melapor kepada pemimpin Lembaga Pertolongan tentang pelayanan mereka dan keadaan rohani dan jasmani saudari itu.

Dari Sejarah Kita

“Pengajaran berkunjung sudah menjadi satu kenderaan untuk para wanita Orang suci Zaman Akhir di seluruh dunia untuk mengasih, menjaga, dan melayan—untuk ‘bertindak menurut simpati yang sudah Tuhan tanam dalam dada [kita],’ seperti yang diajar oleh Joseph Smith.”²

Seorang saudari yang menjadi balu baru-baru ini berkata tentang pengajar-pengajar berkunjungnya: “Mereka mendengar. Mereka menyenangkan hati saya. Mereka menaggis bersama saya. Dan mereka memeluk saya . . . [Mereka] menolong saya untuk memulih dari

kemelesetan dan depresi yang mendalam pada waktu yang sunyi pada beberapa bulan awal itu.”³

Menolong dengan tugas-tugas duniawi juga satu bentuk pelayanan. Pada persidangan umum hari bulan Oktober 1856, Presiden Brigham Young mengumumkan bahawa adanya sekumpulan perintis kereta sorong terkandas dalam salji yang dalam pada tempat sejauh 270–370 batu (435–595km). Dia memanggil para Orang Suci Zaman Akhir di Salt Lake City untuk menyelamatkan mereka dan untuk “hanya berfokus pada perkara-perkara yang kita panggil duniawi.”⁴

Lucy Meserve Smith merekodkan bahawa para wanita pun menanggalkan skirt dalam dan stoking mereka yang panas di khemah ibadat dengan serta-merta dan menempatkan pakaian itu ke dalam kereta-kereta sorong yang dihantar kepada para perintis yang sejuk itu. Kemudian mereka mengumpulkan peralatan tempat tidur dan pakaian untuk mereka yang akan sampai di situ dengan sedikit barang-barang milik mereka. Bila kumpulan kereta sorong itu sampai, satu bangunan dalam kota itu “penuh dengan bekalan bagi mereka.”⁵

NOTA

1. Lihat Julie B. Beck, "What I Hope My Granddaughters (and Grandsons) Will Understand about Relief Society," *Liahona*, Nov. 2011, 113.
2. *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 112.
3. *Daughters in My Kingdom*, 119–20.
4. Brigham Young, "Remarks," *Deseret News*, Oct. 15, 1856, 252.
5. Lihat *Daughters in My Kingdom*, 36–37.

Dari Tulisan Suci

Lukas 10:38–39; 3 Nefi 11:23–26;
27:21

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

1. Bagaimana saya boleh mengetahui keperluan para saudari saya?
2. Bagaimana para saudari saya tahu bahawa saya mengambil berat tentang mereka?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari
www.reliefsociety.lds.org.

© 2012 by Intellectual Reserve, Inc. Hak cipta terpelihara. Dicitak di USA. Kelulusan Bahasa Inggeris: 6/11. Kelulusan terjemahan: 6/11. Terjemahan *Visiting Teaching Message, April 2012*. Malay. 10364 348